

# Banyak kejayaan dicatat sejak BN memerintah

UM 8 JUL 2001  
SEJAK Barisan Nasional (BN) memerintah, Malaysia telah mencatatkan banyak kejayaan sehingga diiktiraf negara membangun termaju di dunia.

Berikut adalah antara kejayaannya seperti intipati ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Konvensyen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.

- Hidup aman tanpa berlaku rusuhan besar-besaran dan perang saudara. Walaupun ada ancaman penganas komunis sebelum ini, mereka berjaya ditewaskan pada 1990 dan kembali semula ke pangkuan masyarakat.

- Tidak ada sesiapa ketinggalan sama ada di dalam dan luar bandar. Rakyat dibekalkan dengan kemudahan jalan, hospital, sekolah, bekalan elektrik, air dan telefon.

- Golongan berpendapatan rendah dibekalkan dengan perumahan kos

rendah. Bangunan pencakar langit dibina manakala bandar-bandar dimajukan dan setaraf dengan bandar-bandar negara maju di seluruh dunia.

- Kawasan terpencil dapat dihubungkan ke bandar-bandar besar termasuk Kuala Lumpur dengan mudah.

- Para pemimpin asing mengiktiraf Malaysia negara maju dan bukannya negara membangun atau negara dunia ketiga.

- Taraf kesihatan rakyat Malaysia dijaga sehingga sekarang kes penyakit yang dahulunya merebak seperti tuberkulosis (batuk kering) tidak berlaku. Purata jangka hayat umur lelaki pula mencapai 70 tahun manakala wanita 72 tahun.

- Pada satu ketika, pertumbuhan ekonomi negara mencapai purata lapan peratus setiap tahun, iaitu satu rekod yang sukar dicapai oleh mana-mana negara termasuk negara maju.

- Berjaya memulihkan ekonomi walaupun ada percubaan untuk memiskinkan negara dengan cara menjatuhkan nilai ringgit.

- Berjaya memulihkan ekonomi mengikut acuan sendiri. Walaupun dikecam tidak munasabah pada peringkat awal, akhirnya dunia mengakui cara Malaysia sebagai alternatif terbaik dan mampu memulihkan mana-mana negara yang diserang oleh penyangak mata wang.

- Berjaya meningkatkan pendapatan perkapita rakyat daripada AS\$300 pada 1957 kepada AS\$4,000 sekarang.

- Barangan buatan Malaysia diedar secara meluas ke seluruh dunia dan dikenali sebagai barangan bertaraf antarabangsa.

- Rakyat asing kini lebih mengenali Malaysia dan kedudukannya di Asia Tenggara.